

Pemahaman Teks

Praktis PT3 Sajak – Dalam Persekitaran Kata-kata

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Dia mencipta manusia.
Mengajarnya pandai berbicara."
(Al-Quran, 55:3-4)

Engkau beri kami kata-kata
Dan **akal** untuk mengucapkannya.
Kami pindahkan makna,
dari tempat ke tempat,
dari zaman ke zaman.

Engkau jadikan kami bangsa
berkulit sawo matang.
Belayar di **samudera** jauh
menjelajah pulau-pulau, dan berlabuh
di pantai-pantai semenanjung.

Kata-kata yang berselerakan
langit, bumi, laut, gunung,
awan, hujan dan pohon,
adalah persekitaran.
Seperti kami memetik buah-buahan
kami **sunting istilah** iman,
daripada kitab-kitab silam,
mentakrif tanda alam,
dan menjernihkan tafsiran.

Kata-kata mengembangkan pengalaman,
terbentang di semesta alam,
memaknakan kewujudan.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi,
Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian
Pendidikan Malaysia)



Nota SMART

Nada

- Perasaan penyair ketika mengucapkan puisi. Nada itu akan mempengaruhi intonasi suara.
- Ada lima jenis nada, iaitu;
 - * Melankolik – mendayu-dayu
 - * Patriotik – bersemangat
 - * Romantik – tenang
 - * Protes – marah atau memberontak
 - * Sinis – tidak berpuas hati

Entri Kata

- **akal** – fikiran
- **samudera** – laut
- **sunting** – petik
- **istilah** – kata yang khusus
- **mentakrif** – memberikan maksud

1. Mengapakah Tuhan menganugerahkan manusia kebolehan berkata-kata?

- A Untuk memudahkan mereka belayar ke serata tempat
- B Untuk membolehkan manusia menyampaikan ilmu dari zaman ke zaman
- C Untuk menunjukkan keperibadian melalui komunikasi
- D Untuk menyebarkan bahasa ibunda ke seluruh negara

2. terbentang di semesta alam

Apakah gaya bahasa baris di atas?

- A Sinkope
- B Personifikasi
- C Metafora
- D Hiperbola

3. Berdasarkan rangkap yang terakhir, apakah kelebihan kata-kata?
- A Kata-kata dapat mengembangkan pengalaman seseorang
 - B Kata-kata dapat menyampaikan ilmu dari zaman-berzaman
 - C Kata-kata dapat mendalami ilmu dengan membaca kitab-kitab lama
 - D Dapat bertutur dengan orang lain dengan berkesan

4. Antara yang berikut ialah pengajaran sajak di atas, **kecuali**
- A kita mestilah rajin membaca untuk memperoleh ilmu.
 - B kita haruslah menjaga bahasa semasa bertutur dengan orang lain.
 - C kita perlu bersyukur terhadap anugerah yang kita terima.
 - D kita mestilah memiliki fizikal dan mental yang bersih.

Praktis PT3 Drama – Mahkamah

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahawasanya kamu, Akikino-Komokotoko, pada 20 Mac 1988, telah dituduh mencuri seekor beruk subsidi **milik** kerajaan Malaysia dari stor JKK Ulu Dungun.

HAKIM: Ya ... Akikino-Komokotoko, apakah kamu faham akan tuduhan yang dikenakan atas kamu?

TERTUDUH II: Akakuku taka fakahaka iskitikilaka bekeroko sukusikidiki.

PENTERJEMAH: Yang arif, adapun empunya diri yang bernama Akikino-Komokotoko, atau ringkasnya Akinomoto ini tidak faham akan istilah beruk **subsidi**.

HAKIM: Pendakwa raya, harap perincian istilah beruk subsidi yang tidak difahami oleh Akinomoto.

PENDAKWA RAYA: Ya, yang arif ... mohon tempoh 2 minit untuk merujuk kamus.

PENDAKWA RAYA membuka buku besar dan beraksi membelek kandungannya dengan teliti.

PENDAKWA RAYA: Yang arif, adapun "beruk" itu menurut kamus The Advance Dictionary of the Modern English for the Malaysian World, terbitan syarikat Cetak Rompak sendiri Berhad... adapun istilah "beruk" itu dapatlah **diperincikan** sebagai... *is a kind of animal which have a short tail, and the body full with "bulus" and like to eat bananas, and many people call.. monkey.*

Adapun makna "subsidi" itu menurut kamus yang sama, muka surat 300, perenggan dua, baris lima dari bawah, dapatlah diperincikan sebagai maknanya.. *is a subsidy.. that all, ya tuan hakim.*

HAKIM: *Well done.. well done..* Apakah kamu sudah faham wahai Akinomoto?

TERTUDUH II: Akakuku makakiki took fakahaka daka hakaraka pendakakakawoko gukunoko bakahakasaka makaleke sikiyaka.

PENTERJEMAH: Adapun katanya bahawa dia semakin tidak faham dan meminta pihak pendakwa menggunakan bahasa Melayu.

HAKIM; Ya, ya, ya .. saya juga sudah lupa. Kita sudah merdeka selama 30 tahun, seharusnya kita menggunakan bahasa Melayu... bahasa kebangsaan kita di dalam makhamah yang mulia ini. Ya, pendakwa raya, sila huraikan menurut bahasa Melayu.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)



Nota SMART

Watak dan Perwatakan

- **Watak** – Pelaku dalam sesuatu karya yang menggerakkan cerita dengan cara berinteraksi sesama watak dan alam.
- **Perwatakan** – Pelukisan tentang watak dari aspek luaran dan dalaman. Pelukisan watak itu boleh dilakukan melalui aksi, tutur kata, atau watak-watak berkenaan.
- Dalam sesuatu cerita, terdapat watak utama, watak sampingan, watak bulat, watak dinamik, watak statik, watak pipih, watak protagonis, watak antagonis, dan watak bundar.

Entri Kata

- **milik** – kepunyaan
- **subsidi** – bantuan kerajaan
- **istilah** – perkataan yang khusus untuk sesuatu bidang
- **diperincikan** – ditelitikan

1. Apakah tuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh?
 - A Menyebabkan kematian seorang wanita tua
 - B Mencuri seekor beruk subsidi milik penguasa tempatan
 - C Tidak fasih berbahasa Melayu
 - D Tidak hormat akan undang-undang negara
2. Apakah perwatakan Akinomoto yang digambarkan dalam petikan drama di atas?
 - A Berani menegakkan bahawa dia tidak bersalah
 - B Jujur mengatakan bahawa dia tidak memahami bahasa Inggeris
 - C Prihatin terhadap keadaan buruk yang dicurinya itu
 - D Bijak menggunakan kata-kata untuk melepaskan diri daripada tuduhan
3. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan persoalannya.
 - A Perlunya sikap bertanggungjawab terhadap tindakan yang dilakukan
 - B Kepentingan menguasai bahasa Melayu
 - C Keinsafan dalam melakukan kesalahan
 - D Mematuhi undang-undang negara
4. Pada pendapat anda, apakah cara yang boleh dilakukan oleh pihak swasta bagi memartabatkan bahasa Melayu?
 - A Menggunakan bahasa Melayu dalam pengiklanan mereka
 - B Mengikis prasangka terhadap kemampuan bahasa Melayu
 - C Menjadikan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi dalam pelbagai urusan
 - D Nama-nama produk yang dikeluarkan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya